

19/06/2000

K-ekonomi dari kaca mata Islam

Maarop Md Noh

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan hala tuju baru ekonomi negara berasaskan ilmu pengetahuan atau k-ekonomi, sekali gus Malaysia adalah negara Islam pertama memartabatkan ilmu pengetahuan sebagai satu daripada pendekatan untuk memajukan bangsa, agama dan negara.

Perdana Menteri percaya, sebagai negara membangun, Malaysia perlu mengukuhkan kedudukan dengan suatu pendekatan yang baru. Beliau melihat perkembangan ilmu pengetahuan kini sudah memasuki era dan nilai paling tinggi. Ilmu pengetahuan bukan sekadar faham membaca atau menulis tetapi martabatnya sudah mencakupi seluruh kegiatan hidup dan simpang-siur bermasyarakat dan bernegara. Dalam perhubungan antarabangsa, ilmu pengetahuan menduduki barisan depan sekali berbanding bidang lain. Malah, segala kegiatan hidup diikat dan dipantau oleh ketinggian ilmu. Semakin tinggi ilmu seseorang atau masyarakat itu, semakin mereka dihormati.

Berdasarkan realiti inilah, k-ekonomi diletakkan sebagai mercu tanda peralihan penjana ekonomi negara. Menerusi k-ekonomi, Malaysia boleh meneroka pelbagai bidang ekonomi canggih dan berdaya maju. Ini penting dalam usaha pembentukan semula negara maju. Jika beberapa tahun selepas merdeka, ekonomi negara berasaskan pertanian, tetapi selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970, walaupun pertanian masih menjadi teras kekuatan ekonomi, namun peralihan mulai ketara. Keadaan lebih ketara lagi apabila Rancangan Jangka Panjang Ekonomi (RJP) diperkenalkan pada awal 80-an. RJP memberi penekanan yang lebih sedikit kepada perindustrian. Sebenarnya di sinilah bermulanya pendekatan k-ekonomi di negara ini.

Peralihan ini sedikit-sebanyak mengajar rakyat memantapkan diri untuk menghadapi cabaran yang lebih besar. Antara cabaran itu ialah usaha memartabatkan ilmu sebagai penggerak ekonomi. Langkah ini memerlukan tindakan berani dan perancangan yang cukup teliti. Malah, dalam waktu tertentu ia menuntut perombakan besar dalam cara berfikir dan bertindak. Ini membabitkan rombakan sektor budaya, politik, kemasyarakatan, pendidikan, agama dan sebagainya.

Masyarakat yang berfikiran negatif melihat k-ekonomi sebagai memperkaya golongan tertentu dan menjerat yang lain. Tetapi, bagi masyarakat berfikiran positif dan terbuka, pendekatan ini diterima sebagai sesuatu yang bermanfaat. Kepada umat Islam di negara ini, k-ekonomi secara automatik mengangkat martabat agama. Seperti yang diketahui umum, agama Islam adalah agama yang progresif dan agama kemajuan. Dalam beberapa hal, Islam membenci kebodohan dan mencela sifat malas.

Wahyu pertama yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad jelas mengajak umat Islam meneroka ilmu pengetahuan. Perintah membaca pada awal wahyu adalah manifestasi kepentingan ilmu pengetahuan kepada umat Islam. (Rujuk surah al-Alaq, ayat 1-5). Wahyu ini mengandungi perintah dan petunjuk arah untuk penerokaan lautan ilmu yang luas seperti yang diajarkan asasnya kepada nenenda manusia, Nabi Adam. (Lihat surah al-Baqarah ayat 31).

Dalam perintah membaca itu terkandung rahsia besar ilmu. Antaranya ilmu ketuhanan, kaji hayat, akhlak dan kemuliaan, pendidikan, kebudayaan, ekonomi, politik dan pelbagai lagi. Dan jika kita hubungkan dengan ayat 31 Surah al-Baqarah, jelaslah wahyu pertama itu meletakkan asas semua ilmu pada permulaan ciptaan manusia. Asas ilmu yang diamanahkan kepada Nabi Adam itu adalah medium penting pengangkatan baginda sebagai khalifah di bumi.

Untuk lebih jelas lagi, selain mengajar Nabi Adam, Allah juga membimbing dan mengajar Nabi Yusuf asas ekonomi dan pentadbiran negara. Nabi Yusuf memperkenalkan pertanian berhemat dan berjaya mempertahankan ekonomi Mesir (lihat surah al-Yusuf ayat 46-48). Begitu juga Allah mengajar Nabi Sulaiman mengenai ketinggian martabat ilmu dan mereka yang berilmu. Nabi Sulaiman juga diajar betapa pentingnya ilmu pengetahuan dan orang berilmu itu sebagai aset penting kepada negara (lihat surat an-Namlu ayat 40). Dalam ayat ini dijelaskan bagaimana ketika Nabi Sulaiman berdepan dengan masalah untuk memindahkan istana Balqis di Yaman ke Baitul Maqdis. Nabi Sulaiman mahu pemindahan itu dibuat secara menyeluruh tanpa merombak struktur asal atau memecahkan istana itu.

Dalam kisah ini, dinyatakan jin dan afrid yang terkenal kuat dan garang berjanji akan membawa istana itu ke hadapan Nabi Sulaiman dalam tempoh beberapa hari saja. Tetapi ahli-ahli ilmu pengetahuan ketika itu memberi jaminan mereka boleh membawa istana itu dengan sekelip mata. Akhirnya ahli ilmu pengetahuan berjaya dan sekali gus memartabatkan ilmu dan manusia sebagai penguasa.

Begitu juga Allah mengajarkan kepada nabi-nabi yang lain mengenai urusan perniagaan, Antaranya Nabi Salleh dan Nabi Syuib. Ilmu pembinaan pula diajar kepada Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail, ilmu pertukangan besi diajarkan kepada Nabi Daud. Selain yang dijelaskan, banyak lagi ayat al-Quran menyebut kepentingan ilmu sebagai pemangkin ekonomi.

Begitu juga dalam bidang ekonomi berasaskan ilmu. Dalam surah az-Zumar, ayat ke-9, misalnya, Allah berfirman, maksudnya: "Adakah sama orang yang pengetahuan dengan yang bodoh. Sesungguhnya yang mendapat pelajaran itu hanya mereka yang mempunyai fikiran."

Di sini jelas membuktikan Islam mengangkat ilmu pengetahuan sebagai pemisah antara manusia dengan haiwan. Allah Yang Maha Agung dan Maha Mencipta cukup memahami penciptaannya dan Tuhan sendiri mengakui manusia adalah sebaik-baik ciptaan-Nya. (Surah at-Tiin, ayat 4).

Sebagai ciptaan terbaik, Allah memperlengkap manusia dengan naluri intelektual yang tinggi. Manusia diajar berfikir dan menggunakan fikiran secara meluas. Selain itu manusia dibekalkan dengan naluri ingin tahu dan ingin maju. Naluri berusaha dan meneroka sesuatu yang baru. Naluri ingin tahu itulah anak kunci kepada mercu ilmu pengetahuan.

Allah juga membenarkan manusia meneroka seluruh alam dan memanfaatkan isinya. Allah amanahkan seluruh bumi dan langit ini untuk ditadbir oleh manusia (rujuk Surah al-Baqarah, ayat 29). Malah, dengan kekuatan ilmu yang diizinkan itu, secara simbolik Allah mencabar manusia meneroka angkasa lepas dengan segala kekuatan yang ada (lihat surah Ar-Rahman, ayat 33), memanfaatkan laut, bumi dan segala isinya, malah manusia itu sekali gus adalah menjadi matlamat terakhir segala sesuatu yang diciptakan di muka bumi.

Sebagai umat Islam kita patut berasa bertuah dikurniakan kelebihan yang tinggi. Ini kerana Muhammad sebagai Nabi dan Rasul terakhir berjaya merobohkan belunggu kekunoan berfikir atau pak turut zaman kepada suasana baru yang merencanakan intelektual kekhilafahan, membebaskan manusia daripada kejumudan tamadun yang tidak berasaskan ilmu dan iman (rujuk surah al-A'raf, ayat 157).

Lebih jelas lagi wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad adalah untuk mengajak manusia membaca. Menurut psikologi pendidikan, membaca itu adalah anak kunci pembukaan pintu-pintu ilmu yang berlapis-lapis itu. Al-Quran sebagai kitab suci terakhir dan penutup segala kitab suci mengandungi pelbagai cabang ilmu. Tidak berlebihan dijelaskan di sini, hanya al-Quran satu-satunya kitab yang melakarkan sama ada secara singkat atau terperinci mengenai pentadbiran alam dan seluruh isinya. Ia memberikan kebebasan kepada manusia untuk memanfaatkannya. Terpulanglah